



Rujukan: UPE(S)10/104/6 Vol. VI

Tarikh : 9 Ramadhan 1426H
13 Oktober 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 2005

**PINDAAN KEPADA PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 1990
JAWATANKUASA KECIL PIAWAIAN DAN KOS (JKPK) BAGI
JAWATANKUASA PERANCANG PEMBANGUNAN NEGARA (JPPN)**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan Persekutuan dan juga Badan-badan Berkanun Persekutuan mengenai peraturan baru bagi mendapatkan kelulusan untuk melaksanakan semua projek bangunan Kerajaan. Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos (JKPK) yang telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) telah diberi kuasa untuk menimbang dan meluluskan cadangan projek-projek bangunan persekutuan.
- 1.2 Buku Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan ada disertakan bersama Surat Pekeliling ini dan hendaklah dipatuhi oleh setiap Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun.

2. PERATURAN BAGI KELULUSAN JAWATANKUASA KECIL PIAWAIAN DAN KOS

- 2.1 Semua projek Bangunan memerlukan kelulusan JKPK yang mempunyai tugas-tugas utamanya seperti berikut:
 - 2.1.1 Melahirkan kesedaran penjimatan dan keberkesanan kos di kalangan agensi-agensi pelaksana di dalam perancangan, rekabentuk dan pembinaan projek-projek bangunan.
 - 2.1.2 Memastikan perbelanjaan untuk projek bangunan mendapat faedah yang maksimum dan dilaksanakan dengan kos yang berpatutan.
 - 2.1.3 Membentuk dan merumuskan garis panduan dan peraturan untuk perancangan, rekabentuk dan pelaksanaan projek-projek bangunan.
- 2.2 Projek-projek Bangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun
 - 2.2.1 Semua projek bangunan yang baru yang bernilai RM5.0 juta ke atas hendaklah mendapatkan kelulusan JKPK seperti yang dinyatakan dan dijelaskan dalam perenggan 3 Pekeliling ini di bawah tajuk Kaedah Pemprosesan Projek.
 - 2.2.2 Semua projek bangunan yang melibatkan kerja-kerja pengubahsuaian pada bangunan kerajaan yang sedia ada atau bangunan swasta yang disewa di mana nilai kerjanya lebih dari RM1.0 juta hendaklah mendapatkan kelulusan JKPK terlebih dahulu.
 - 2.2.3 Semua projek bangunan yang bernilai di bawah RM5.0 juta adalah dikecualikan daripada mendapat kelulusan JKPK. Pengecualian ini adalah tertakluk kepada pematuhan kepada Garis Panduan dan Peraturan yang telah ditetapkan dengan menghantar surat pengesahan seperti di Lampiran I.
 - 2.2.4 Semua projek bangunan yang dilaksanakan secara *Turnkey* atau *Reka dan Bina* hendaklah dirujuk kepada JKPK untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 3 Pekeliling ini sebelum meneruskan pelaksanaannya.
 - 2.2.5 Setiap Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun adalah bertanggungjawab melalui Bahagian/Unit Teknik masing-masing atau juruperunding swasta yang dilantik untuk mengesahkan pematuhan Garis Panduan dan Peraturan dalam borang pengesahan seperti di Lampiran I kepada JKPK melalui

Urusetianya yang beralamat seperti berikut:

Urusetia Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos (JKPK),
Seksyen Perkhidmatan Teknik,
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 5, Blok B6,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA

2.3 Projek-projek Bangunan yang tidak mematuhi Garis Panduan dan Peraturan

2.3.1 Semua projek bangunan yang tidak mematuhi Garis Panduan dan Peraturan yang telah ditetapkan hendaklah dirujuk kepada JKPK seperti yang diperlukan dalam perenggan 3 Surat Pekeliling ini untuk mendapat kelulusan.

2.4 Projek-projek Bangunan Kerajaan Negeri/Badan Berkanun

2.4.1 Semua projek Kerajaan Negeri/Badan Berkanun yang menggunakan sumber kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada sebagai pinjaman atau secara langsung (*grant*) adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling ini.

3. **KAEDAH PEMROSESAN PROJEK**

3.1 Semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun hendaklah memastikan skop projek dipersetujui / diluluskan terlebih dahulu oleh Unit Perancang Ekonomi sebelum merujuk kepada Urusetia JKPK untuk kelulusan.

3.2 Semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun adalah dikehendaki merujuk projek-projek bangunan dengan maklumat/dokumen yang berkaitan untuk mendapat kelulusan JKPK. Maklumat/dokumen tersebut adalah:

- (i) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan.
- (ii) Keluasan tanah tapak bina.
- (iii) Bilangan kakitangan (serta kategori) atau/dan pelajar atau/dan orang awam yang akan dimuatkan.
- (iv) Jadual keluasan ruang lantai bangunan.
- (v) Jadual ruang yang akan dihawadenginkan.
- (vi) Jadual bahan binaan/kemasan projek.
- (vii) Anggaran kos awalan bagi setiap skop kerja projek dalam Cabutan Butiran Permulaan (Borang PDA-PWD 142A-Rev.'91) seperti di Lampiran II.
- (viii) Pelan lakar arkitek, struktur dan tataatur tapak.

3.3 Semua maklumat/dokumen yang perlu dikemukakan hendaklah dibuat dalam satu salinan sahaja. Nota penerangan lanjut mengenai dokumen-dokumen di perenggan 3.2 di atas adalah seperti di Lampiran III.

4 PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN PROJEK

4. Apabila projek disahkan siap, semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun adalah dikehendaki mengemukakan sesalinan surat pengesahan yang menyatakan projek telah siap dibina mengikut Garis Panduan dan Peraturan yang telah ditetapkan seperti di Lampiran IV dan Perakuan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion*) seperti di Lampiran V kepada Urusetia JKPK.

5 MENYEWA RUANG PEJABAT

- 5 Semua kelulusan ke atas keluasan ruang lantai pejabat yang hendak disewa oleh Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun yang berkeluasan 465 meter persegi (5,000 kaki persegi) ke atas hendaklah dirujuk kepada JKPK untuk mendapat kelulusan.


6 AM

- 6.1 Garis Panduan dan Peraturan yang sedia ada akan dikemaskini dan ditambah dari masa ke semasa mengikut keadaan ekonomi negara dan perkembangan teknologi binaan. Garis Panduan dan Peraturan tersebut boleh diperolehi di laman web Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri iaitu www.epu.jpm.my.
- 6.2 Semua permohonan untuk mendapatkan kelulusan JKPK hendaklah dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun terus kepada Urusetia seperti yang tercatat dalam perenggan 2.2.5.
- 6.3 Garis Panduan dan Peraturan itu hendaklah dijadikan asas oleh semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun dalam menyediakan anggaran belanjawan dan memohon peruntukan dari agensi pusat.
- 6.4 Untuk memastikan Garis Panduan dan Peraturan itu dipatuhi, JKPK akan menyemak secara rambang projek-projek yang telah siap/sedang dijalankan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa serta-merta dan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1990 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN)
Ketua Setiausaha Negara

s.k: Ketua Audit Negara,
Pejabat Ketua Audit Negara,
Aras 9, Blok D2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya

BORANG PENGESAHAN PROJEK YANG BERNILAI KURANG DARIPADA RM5.0 JUTA

Rujukan Kami:

Tarikh:

Urusetia JKPK
Seksyen Perkhidmatan Teknik
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5, Blok B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Tuan

PENGESAHAN PROJEK YANG BERNILAI KURANG DARIPADA RM5.0 JUTA MEMATUHI SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 2005

Nama Projek:
Anggaran Kos:

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dengan ini disahkan bahawa segala garis panduan dan peraturan JKPK di Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2005 telah dipatuhi bagi melaksanakan projek yang tersebut di atas. Bersama-sama ini disertakan butir-butir/maklumat projek seperti yang dikehendaki.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun)

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan
Bahagian Pengurusan Belanjawan
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Aras 5 & 6, (Utara)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara
Pejabat Ketua Audit Negara
Aras 6-9, Blok D2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 PUTRAJAYA

Ringkasan Butir-butir Projek

1. Nama Projek
2. Peruntukan Yang Diluluskan
3. Anggaran Kos Projek (PDA)
4. Bilangan Muatan Orang:
5. Keluasan Lantai Bangunan (GFA):
(Senaraikan jenis dan keluasan setiap bangunan)
6. **Butiran Spesifikasi**
 - (i) Jenis Asas:
 - (ii) Rangka Bangunan:
 - (iii) Bumbung - Kemasan:
 - (iv) Lantai - Kemasan:
 - (v) Dinding - Kemasan Luar:
- Kemasan Dalam:
 - (vi) Siling - Kemasan:
 - (vii) Pintu Khas:
 - (viii) Rangka Tingkap:
 - (ix) Kelengkapan Tandas:

JABATAN KERJA RAYA

PRELIMINARY DETAILED ABSTRACT FOR								
HEAD SUBHEAD YEAR				TOTAL PROVISION RM				
				PROVISION FOR CONSTRUCTION RM				
BRIEF DESCRIPTION OF BUILDINGS								
	BUILDING	Frame	Wall	Roof	Floor	Ceiling	Window	Standard
a								
b								
c								
d								
e								
f								
g								
h								
j								
k								
BREAKDOWN OF PRELIMINARY COST ESTIMATE								COST RM
1	PRELIMINARIES							
2	PILING/SPECIAL FOUNDATION							
	Type and Size							
a								
b								
c								
3	BUILDING	Drawing No.	Floor Area m2	Cost/m2				
a								
b								
c								
d								
e								
f								
g								
h								
j								
k								
4	INTERNAL SERVICES							
a	Plumbing Installation							
b	Sanitary Appliances							
c	Electrical Installation							
d	Fire Protection Installation							
e	Air Conditioning Installation							
f	Lift & Conveyor Installation							
g	Communication Installation							
h								
j								
k								
	SUBTOTAL carried forward							

BREAKDOWN OF PRELIMINARY COST ESTIMATE (CONT'D)		COST RM
SUBTOTAL brought forward		
5	EXTERNAL WORKS	
a	i) Site Preparation	
	ii) Earthwork	
b	Roads,Hardstanding, Footpaths & Paving	
c	Fencing & Gates	
d	Turfing & Soft Landscaping	
e	Surface Drainage	
f	Sewerage	
g	External Electrical Installation	
h	External Water Supply Installation	
i	External Telephone Installation	
j		
k		
6	VARIATION OF PRICES	
7	CONTRIBUTION FEE TO LOCAL & UTILITY AUTHORITY	
a	Tenaga Elektrik Nasional	
b		
c		
8	MISCELLANEOUS	
a	Advertisement	
b	Documentation	
c		
9	CONTINGENCIES	
ALL IN UNIT RATES (of Total items 1 to 9)		TOTAL (items 1 to 9)
Total Floor Area m2 :	Cost/m2 :	
10	SUPERVISION	
11	PROFESSIONAL FEES	
a	Architect	
b	Civil & Structural Engineer	
c	Mechanical Engineer	
d	Electrical Engineer	
e	Quantity Surveyor	
f		
TOTAL COST OF PROJECT		
Quantity Surveyor/Estimating Officer	State Director of Works	Portfolio Branch Director of Works
Date:	Date:	Date:

* Only necessary if PDA is prepared at
JKR State level

NOTES ON FILLING OF PRELIMINARY DETAILED ABSTRACT FORM (PDA)

1.0 GENERAL INFORMATION

- 1.1 The information given in this Detailed Abstract is for Government use only.
- 1.2 No portion of the form is to be left blank. Items not applicable in any particular case shall have a dash inserted against them. If any item is included under "BUILDING" this shall be stated in the "COST" column.

2.0 TOTAL PROVISION

- 2.1 Total Provision shall be the amount given by the Client Department as the amount approved for the project and which shall be given together with the project brief. If this information is not available it shall be left blank.

3.0 PROVISION FOR CONSTRUCTION

- 3.1 Provision for Construction shall be the Total Cost of Project as shown. For revised PDA, Provision for Construction shall be the Total Cost of project in previously approved PDA.

4.0 BRIEF DESCRIPTION OF BUILDINGS

- 4.1 The following abbreviations shall be used in completing the "Brief description of Buildings" :

Al. - Aluminium	CCR - Coloured Cement Rendering	MFB - Mineral Fibre Board	T - Timber
AB - Acoustic Boar	CHB - Concrete Hollow Bricks	MSW - Metal Framed Screen Wall	Tyn. - Tyrolean Wall
AC - Asbestos Cement	Ff. - Fairface	OGB - Ordinary Gypsum Board	Tz. - In-site Terrazo
Bk. - Common Brick	FSW - Fairface Screen Wall	Pqt. - Parquet	TB - Timber Boarding
BRF - Built-up Roofing Felt	FCB - Fibre Cement Board	PF - Plastered Finish	TS - Timber Strip
CBk.- Cement Sand Brick	GMD - Galvanised Metal Decking	PCM - Precast Concrete Members	TT - Terrazo Tiles
CR - Cement Rendering	GWB - Glass Wool Board	QT - Quarry Tiles	TSW - Timber Framed Screen Wall
CT - Ceramic Tiles	HP - Hyrib Plaster	RC - Reinforced Concrete	VT - Vinyl Tiles
Con. - Concrete	MS - Marble Slab	RGB - Reinforced Gypsum Board	WCB - Wood Cement Board
Co.T - Concrete Tiles	MT - Mosaic Tiles	St. - Steel	WCR-Waterproof Cement Rendering

Both the base material and the finish shall be given in the case of floors, walls and flat roofs, thus:

Con./VT RC/WCR

Both the base material or the type of suspension/framing and the finish shall be given in the case of ceilings, thus:

T/WCB AI./MFB

4.2 The standard of the building relates to the general standard of finishes rather than to construction and shall be given as one of the following three categories:

High, normal, low.

5.0 PILING/SPECIAL FOUNDATION

5.1 Each type and size of Piling/Special Foundation and its cost shall be stated separately.

6.0 BUILDING

6.1 The cost for the building shall be exclusive of all services.

6.2 The buildings to be listed under item 3 shall refer to the same buildings as listed under "Brief Description of Buildings".

6.3 The Floor Area shall mean the Gross Floor Area of all enclosed spaces fulfilling the functional requirements of the building measured flat on plan to the internal face of the enclosing walls.

6.4 The Drawing Numbers to be stated shall only be those of the Architectural floor plans, sections and elevations. Structural and other detailed drawing numbers need not be stated.

7.0 INTERNAL SERVICES

7.1 The cost for internal services shall be inclusive of Profit and Attendance and all builders work in connection therewith where applicable.

8.0 VARIATION OF PRICES

8.1 The amount to be allowed for Variation of Prices shall be based on the projected increase in the relevant building cost index as issued by the Department of Statistics, or 5% of the value if the Builder's work.

9.0 CONTINGENCIES

9.1 Contingencies shall not exceed 10 percent of total items 1 to 8.

10.0 PROFESSIONAL FEES

10.1 The amount of Professional fees for each Consultant shall be inserted in the "Cost" column.

NOTA PENERANGAN LANJUT DALAM PEMROSESAN PROJEK

1. Ringkasan Projek

Ringkasan projek yang diperlukan hendaklah menerangkan secara amnya hal-hal yang berkaitan seperti berikut :-

1.1 Pendahuluan

Nyatakan nama projek; tujuan dan skop projek diperlukan; tajuk peruntukan kewangan serta jumlah yang diluluskan; fungsi setiap bangunan yang diadakan; jumlah muatan orang yang akan ditempatkan dalam setiap bangunan.

1.2 Jadual Keluasan Ruang Lantai

Nyatakan hal-hal berikut :-

1.2.1 Senarai nama ruang-ruang yang diperlukan dalam bangunan dan keluasan.

1.2.2 Peruntukan keluasan ruang-ruang yang menunjukkan pecahan peratus-peratus ruang-ruang dari jumlah keluasan kasar ruang lantai pada keseluruhannya (GFA).

1.2.3 Norma kadar keluasan yang dicadangkan bagi ruang-ruang yang tersebut di atas.

1.3 Maklumat Tapak Bina

Selain daripada ukuran saiz kawasan tapak bina yang akan didirikan bangunan-bangunan adalah juga perlu dinyatakan secara menyeluruh mengenai kesenangan mendapatkan tanah, bersesuaian tanah untuk pembinaan dan kedudukannya dari aspek mengadakan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan di dalam dan luar kawasan yang terlibat.

1.4 Jadual Bahan Binaan/Kemasan Projek

Nyatakan juga dalam 1.2.1 semua kemasan lantai bagi setiap ruang yang disebutkan. Dalam senarai yang berasingan nyatakan bahan-bahan untuk bumbung, dinding, tingkap, pintu, siling, rangka struktur bangunan dan yang berkaitan dengan jalan, saluran najis, paip bekalan air, kelengkapan kebersihan dan lain-lain.

1.5 Anggaran Kos Awalan

Persediaan hendaklah lengkap dengan format "PDA" JKR yang menunjukkan jumlah anggaran kos dan kos unit bagi setiap komponen skop kerja projek dan bahan binaan/kemasan yang akan diadakan.

1.6 Pelan-pelan Lakar Projek

Pelan-pelan hendaklah dalam sekil-sekil 1 cm, bersamaan 100 cm, atau 1 cm, bersamaan 200 cm, dan menunjukkan maklumat berikut:-

1.6.1 Pandangan dari atas

Susun atur lantai hendaklah diberi ukuran yang secukupnya; nama-nama dan saiz setiap bilik dan kemasan lantai; ruang yang akan dihawa dinginkan; hal-hal lain yang berkaitan.

1.6.2 Pandangan tepi dan keratan rentas

Menunjukkan kemasan yang lain untuk asas bangunan, bumbung, dinding, siling, pintu, tingkap dan lain-lain yang berkaitan.

1.6.3 Lukisan-lukisan kerja-kerja yang lain yang berkaitan

Lampiran IV

Rujukan Kami:

Tarikh:

Urusetia JKPK
Seksyen Perkhidmatan Teknik
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5, Blok B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Tuan

**PENGESAHAN PROJEK YANG TELAH DIBINA MEMATUHI SURAT PEKELILING
AM BIL. 4 TAHUN 2005**

Nama Projek:

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dengan ini disahkan bahawa projek tersebut telah siap dibina mengikut Garis Panduan dan Peraturan JKPK seperti di Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2005. Bersama-sama ini disertakan **Perakuan Siap Kerja** projek tersebut di atas seperti yang dikehendaki.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun)

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan
Bahagian Pengurusan Belanjawan
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Aras 5 & 6, (Utara)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara
Pejabat Ketua Audit Negara
Aras 6-9, Blok D2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 PUTRAJAYA

KERAJAAN

JABATAN KERJA RAYA

PERAKUAN SIAP KERJA
(CERTIFICATE OF PRACTICAL COMPLETION)

Rujukan Pejabat

.....
.....

Tarikh

Kepada
.....
.....
(Kontraktor)

Berdaftar dengan PKK dalam Kelas “.....”

Kontrak No.

Kontrak untuk

Bahagian*
Section*

Menurut Klausa 39 Syarat-Syarat Kontrak, dan tertakluk kepada penyiapan apa-apa kerja yang
In accordance with Clause 39 of the Conditions of Contract and subject to the completion

belum disiapkan dan dibaikan apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kesusutan atau apa-apa
of any outstanding work and the making good of any defects, imperfections, shrinkages or any

kerusakan lain apajupun sebagaimana yang dikehendaki di bawah Klausa 45 Syarat-Syarat Kontrak
other faults whatsoever as required under Clause 45 of the Conditions of Contract

dan yang mungkin terzahir dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan maka adalah dengan ini di
and which may appear during the Defects Liability Period, it is hereby certified that

perakui bahawa seluruh Kerja-Kerja / Sebahagian daripada Kerja-Kerja* seperti yang tersebut di atas
the whole of the Works/Section of the Works as mentioned above*

telah siap dengan memuaskan hati pada dan diambil milik
were satisfactorily completed on and taken into possession

pada dan dengan itu Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk
on and that the said Defects Liability Period in respect of

Kerja-Kerja/Sebahagian daripada Kerja-Kerja* tersebut bermula pada
the said Works/Section of the Works began on*

dan akan berakhir pada
and will end on

.....
Pegawai Penguasa
Superintending Officer.

(Nama Penuh)
Designation

Nama Jawatan
Name in full

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerjaraya Malaysia
(U/P: Bahagian Pembangunan Usahawan)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank/Syarikat Insuran
(yang menjamin pelaksanaan kontrak)

Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
PUTRAJAYA

Pengarah Cawangan Pengurusan Koperat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah J.K.R., Negeri

Jurutera Daerah/Projek.....

Urusetia JKPK
Seksyen Perkhidmatan Teknik
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5, Blok B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

* Potong jika tidak berkenaan.
(*Delete if not applicable*).